

ASEAN, Jepun sepakat tolak kekerasan

Oleh **ARIF AIMAN ASROL**
aiman.asrol@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Pemimpin-pemimpin ASEAN dan Jepun bersepakat menolak ancaman dan kekerasan dalam menyelesaikan sebarang pertikaian dan perbezaan pendapat bagi menghormati kedaulatan dan integriti wilayah masing-masing.

Dalam kenyataan bersama, pemimpin-pemimpin negara ASEAN dan Jepun berikrar untuk terus mengukuhkan kerjasama demi kepentingan bersama di Indo-Pasifik.

Bersambung di muka 3



Sidang Kemuncak ASEAN-Jepun

PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim diiringi Perdana Menteri Jepun, Fumio Kishida pada Sidang Kemuncak ASEAN-Jepun di The Okura Hotel, Tokyo semalam. - PEJABAT PERDANA MENTERI

ASEAN, Jepun sepakat tolak kekerasan

Dari muka 1

“Kami mengesahkan pandangan bersama untuk mempromosikan wilayah Indo-Pasifik berasaskan peraturan yang bebas dan terbuka (dan merangkumi prinsip utama seperti perpaduan dan pemuatan ASEAN, keterangkuman (dan) ketelusan,” kata kenyataan itu.

Kenyataan itu dikeluarkan sempena Sidang Kemuncak Peringatan ASEAN-Jepun di Tokyo semalam.

Sidang Kemuncak Peringatan ASEAN-Jepun berlangsung dari 15 hingga 18 Disember. Sidang kemuncak itu turut memperakukan Kenyataan Wawasan Bersama dan Pelan Pelaksanaannya yang akan menjadi dokumen-dokumen panduan untuk melakar hala

tujuan strategik perkongsian ASEAN-Jepun untuk masa hadapan.

Dalam kenyataan tersebut, pemimpin-pemimpin ASEAN dan Jepun turut bersetuju untuk terus menguatkan kerjasama ekonomi demi keterjaminan negara masing-masing.

Perkara ini perlu terus dilakukan walaupun negara-negara ASEAN dan Jepun berdepan ketegangan yang semakin memuncak apabila China cuba meluaskan pengaruhnya di kawasan laut di rantau tersebut.

Kata kenyataan tersebut, hubungan Jepun dan ASEAN kini sudah berubah berbanding masa silam, apabilan kebela-kangan ini, hubungan tersebut lebih tertumpu kepada aspek keselamatan terutama di Laut China Selatan bagi memastikan

rantau Indo-Pasifik sentiasa berada dalam keadaan makmur di sebalik tekanan negara kuasa besar mahu memperluaskan pengaruhnya.

Terdahulu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika berada di negara matahari terbit itu telah menandatangani perjanjian bersama rakan sejawatnya dari Jepun, Fumio Kishida iaitu sebanyak AS\$2.8 juta bagi meningkatkan keupayaan keselamatan maritim negara.

Memetik laporan portal berita Jepun, *Asahi Shimbun*, ia merupakan program bantuan keselamatan rasmi dari Jepun yang baharu, di mana program tersebut khusus untuk membantu ketenteraan negara yang menjalin hubungan baik dengan Jepun.

Program tersebut bakal

membantu dalam mengukuhkan penguatkuasaan undang-undang dan keupayaan keselamatan negara.

Malah, bantuan tersebut juga termasuk penyediaan bot penyelamat dan peralatan lain untuk meningkatkan keupayaan ketenteraan Malaysia yang terletak di lokasi penting di laluan laut yang menghubungkan Lautan Hindi dan Asia Timur.

Ini menandakan Malaysia memainkan peranan penting dalam operasi amaran dan pengawasan untuk seluruh rantau tersebut.

Sementara itu, Anwar berkata, beliau menghargai kepentingan dan penghargaan di atas peranan dimainkan oleh Jepun untuk perpaduan ASEAN sewaktu intervensi pada Sidang Kemuncak Peringatan ASEAN-Jepun.